

Pengambilan Pehidmat Domestik Indonesia

# Hanya agensi berdaftar, diperakui dibenar mohon



Kos maksimum bagi pengambilan PDI adalah RM15,000. (Foto hiasan)

**Penetapan kos pengambilan yang dipersetujui sebelum ini turut perlu dipatuhi**

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Hanya agensi pekerjaan swasta berdaftar mengikut Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 bawah kategori Lesen B atau C dan diperakui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dibenarkan membuat permohonan pengambilan Pehidmat Domestik Indonesia (PDI).

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata semua agensi berkenaan yang membuat permohonan pengambilan PDI juga diminta mematuhi penetapan kos pengambilan yang dipersetujui sebelum ini dengan kadar maksimum RM15,000.

Malaysia dan Indonesia menerai memorandum persefahaman (MoU) bagi pengambilan dan perlindungan PDI di negara ini pada 1 April lalu di Jakarta dengan disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Presiden Indonesia, Joko Widodo.

"Seperti yang dipersetujui dalam MoU terbabit, kos maksimum bagi pengambilan PDI adalah RM15,000. Sehubungan

itu, semua agensi pekerjaan swasta yang membuat permohonan pengambilan PDI disarankan untuk mematuhi penetapan kos pengambilan yang dipersetujui.

"Tindakan sewajarnya akan dikenakan kepada agensi pekerjaan swasta yang ingkar," kata Saravanan dalam satu kenyataan, semalam.

Pada majlis pemeteraian MoU itu bulan lalu, Malaysia diwakili Saravanan, manakala Indonesia diwakili Menteri Ketenagakerjaan, Ida Fauziyah.

Perdana Menteri pada sidang media bersama Joko Widodo selepas majlis berkenaan dilaporkan berkata, MoU itu akan memastikan segala proses pengambilan dan mekanisme perlindungan PDI dilaksanakan secara komprehensif oleh pihak yang berkaitan, mengikut dasar dan perundangan di kedua-dua negara.

Saluran kemasukan tunggal bagi PDI ke Malaysia dipersetujui dengan hanya menggunakan sistem saluran tunggal seperti yang terkandung dalam MoU bagi menyaring hanya majikan yang layak untuk menggajikan PDI.

Perdana Menteri turut menekankan, Malaysia sudah meratifikasi Protokol 29 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) sebagai komitmen negara di peringkat antarabangsa untuk membanteras isu buruh paksa, termasuk memberi perlindungan kepada pekerja migran dari Indonesia.

Dalam menjaga kebajikan pekerja domestik dari sudut perlindungan sosial, pelbagai

**• Seperti dipersetujui dalam MoU terbabit, kos maksimum bagi pengambilan PDI adalah RM15,000. Sehubungan itu, semua agensi pekerjaan swasta yang buat permohonan pengambilan PDI disarankan mematuhi penetapan kos pengambilan dipersetujui**



M Saravanan,  
Menteri Sumber  
Manusia

inisiatif digariskan menerusi MoU itu, termasuk caruman melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan jaminan bayaran gaji melalui e-Wages bagi menjamin pembayaran gaji tidak lewat dari hari ketujuh setiap bulan.

Cuti rehat sehari seminggu diberikan kepada pekerja terbabit dan aplikasi e-aduan yang membolehkan pekerja membuat sebarang aduan secara dalam talian diperkenalkan, selain pelbagai hal kebajikan lain yang termaktub dalam kontrak perkhidmatan.

Pemeteraian MoU itu turut merintis kepada kemasukan semula Tenaga Kerja Indonesia untuk bekerja dalam sektor yang dibenarkan di Malaysia. MoU yang termeterai akan memberi manfaat besar dan berpanjangan kepada rakyat Malaysia dan Indonesia.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung permohonan pengambilan PDI boleh rujuk kepada Kementerian Sumber Manusia di talian 03-88862410 / 03-88862451 / 03-88862450 atau 03-88862352.